



|   |  |   |
|---|--|---|
|  | <b>GARIS PANDUAN PERMOHONAN<br/>PERMIT PENGECUALIAN<br/>KAWALAN PERGERAKAN</b> | No. Keluaran : 01<br>No. Pindaan : 00<br>Tarikh : 17 Mac 2020 |
|---|--|---|

**KANDUNGAN**
**MUKA SURAT**

|  |              |
|--|--------------|
| <b>1. PENDAHULUAN</b>                                    | <b>1</b>     |
| <b>2. OBJEKTIF</b>                                       | <b>1</b>     |
| <b>3. SKOP</b>   | <b>1</b>     |
| <b>4. RUJUKAN</b>  | <b>1</b>     |
| <b>5. PROSEDUR KERJA</b>                                 | <b>2 - 3</b> |
| <b>6. CARTA ALIRAN</b>                                   | <b>4</b>     |
| <b>7. LAMPIRAN</b>                                       | <b>5</b>     |
| <b>LAMPIRAN A Perintah Kawasan Tempatan Berjangkit</b>   | <b>6 - 8</b> |
| <b>LAMPIRAN B Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan</b> | <b>9</b>     |

|   |  |   |
|---|--|---|
|  | <b>GARIS PANDUAN PERMOHONAN<br/>PERMIT PENGECUALIAN<br/>KAWALAN PERGERAKAN</b> | No. Keluaran : 01<br>No. Pindaan : 00<br>Tarikh : 17 Mac 2020 |
|---|--|---|

## 1. PENDAHULUAN

Pada 17 Mac 2020, Kerajaan telah mengisytiharkan Kawasan Tempatan Jangkitan di bawah Seksyen 11 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], dalam rujukan : P.U(A)87. Sebarang pergerakan orang awam akan dikawal selia oleh pihak PDRM selari dengan Perintah tersebut.

## 2. OBJEKTIF


Sebagai satu garis panduan kepada Ketua Polis Balai dalam mengendalikan permohonan Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan di dalam Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan).

## 3. SKOP

Skop SOP Tindakan Ketua Polis Balai

## 4. RUJUKAN


- |   |  |
|---|--|
| 4.1. Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Seksyen 5<br/>Hendaklah memberi apa-apa bantuan yang diminta oleh pegawai diberikuasa</li> <li>- Seksyen 11<br/>Pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan</li> <li>- Seksyen 22<br/>Kesalahan secara amnya.</li> <li>- Seksyen 24<br/>Penalti am.</li> </ul> |
|---|--|

|   |  |   |
|---|--|---|
|  | <b>GARIS PANDUAN PERMOHONAN<br/>PERMIT PENGECUALIAN<br/>KAWALAN PERGERAKAN</b> | No. Keluaran : 01<br>No. Pindaan : 00<br>Tarikh : 17 Mac 2020 |
|---|--|---|

## 5. PROSEDUR KERJA

Jika terkesan mana-mana orang yang ingkar Perintah Kawasan Tempatan Jangkitan yang dikeluarkan oleh Menteri Kesihatan Malaysia melalui Warta P.U(A)87 di bawah Seksyen 11 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] serta Langkah-Langkah Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit oleh Menteri Kesihatan Malaysia atau Pegawai Diberikuasa di bawah Seksyen 11(2) dan (3) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]:-


| BIL. | TANGGUNGJAWAB  | TINDAKAN   |
|------|--|--|
| 5.1. | <b>Permohonan Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan</b> |  |
|      | <b>Orang Awam</b>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mana-mana orang awam yang ingin membuat pergerakan di luar kontinjen hendaklah pergi ke balai polis yang berdekatan untuk mengisi Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan daripada Ketua Polis Balai sebelum membuat pergerakan.</li> <li>2. Mana-mana orang awam hendaklah mengisi Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan dengan lengkap bersama sebab-sebab munasabah di Balai Polis berdekatan dan diserahkan kepada Ketua Polis Balai untuk mendapatkan kelulusan.</li> <li>3. Pemohon hendaklah membuat perakuan kesihatan.</li> </ol> |
| 5.2. | <b>Tindakan Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan</b>   |  |
|      | <b>Ketua Polis Balai</b>                                 | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ketua Polis Balai hendaklah mempertimbangkan sebab-sebab permohonan di dalam memberi keputusan Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan seperti berikut : - <ol style="list-style-type: none"> <li>1.1. Kematian ahli keluarga;</li> <li>1.2. Ahli keluarga sakit tenat;</li> <li>1.3. Diri sendiri atau ahli keluarga menerima rawatan perubatan; atau</li> </ol> </li> </ol>   |


|   |   |   |
|---|---|---|
|  | <b>GARIS PANDUAN PERMOHONAN<br/>PERMIT PENGECCUALIAN<br/>KAWALAN PERGERAKAN</b> | No. Keluaran : 01<br>No. Pindaan : 00<br>Tarikh : 17 Mac 2020 |
|---|---|---|

|  |  |  |
|--|--|--|
|  |  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1.4. Lain-lain perkara atas budibicara Ketua Polis Balai.</li> <li>2. Ketua Polis Balai hendaklah memberi keputusan Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan dalam kadar segera setelah menerima permohonan tersebut.</li> <li>3. Ketua Polis Balai hendaklah memberi ulasan sebab diluluskan atau tidak diluluskan Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan sepertimana di ruang yang disediakan.</li> <li>4. Salinan keputusan Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan hendaklah di hantar ke Pusat Kawalan Daerah (DCC).</li> </ol> |
|--|--|--|

|   |  |   |
|---|--|---|
|  | <b>GARIS PANDUAN PERMOHONAN<br/>PERMIT PENGECUALIAN<br/>KAWALAN PERGERAKAN</b> | No. Keluaran : 01<br>No. Pindaan : 00<br>Tarikh : 17 Mac 2020 |
|---|--|---|


**6. CARTA ALIRAN PERMOHONAN PERMIT PENGECUALIAN KAWALAN PERGERAKAN**



|   |   |   |
|---|---|---|
|  | <b>GARIS PANDUAN PERMOHONAN<br/>PERMIT PENGECCUALIAN<br/>KAWALAN PERGERAKAN</b> | No. Keluaran : 01<br>No. Pindaan : 00<br>Tarikh : 17 Mac 2020 |
|---|---|---|


## 7. LAMPIRAN


- LAMPIRAN A Perintah Kawasan Tempatan Jangkitan
- LAMPIRAN B Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan

|   |  |  |
|---|--|--|
|  | <p align="center"><b>GARIS PANDUAN PERMOHONAN<br/>PERMIT PENGECUALIAN<br/>KAWALAN PERGERAKAN</b></p> | <p>No. Keluaran : 01<br/>No. Pindaan : 00<br/>Tarikh : 17 Mac 2020</p> |
|---|--|--|

**LAMPIRAN A**

Perintah Kawasan Tempatan Jangkitan

|  |   |
|--|---|
|  <p>17 Mac 2020<br/>17 March 2020<br/>P.U. (A) 87</p>   | <p align="center"><b>WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN</b></p> <p align="center"><i>FEDERAL GOVERNMENT<br/>GAZETTE</i></p> |
| <p align="center"><b>PERINTAH PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN<br/>PENYAKIT BERJANGKIT (PENGISYTIHARAN KAWASAN<br/>TEMPATAN JANGKITAN) 2020</b></p> <p align="center"><i>PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES<br/>(DECLARATION OF INFECTED LOCAL AREAS)<br/>ORDER 2020</i></p> |   |
| <p align="center">DISIARKAN OLEH/<br/>PUBLISHED BY<br/>JABATAN PEGUAM NEGARA/<br/>ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS</p>  |   |

|   |  |   |
|---|--|---|
|  | <b>GARIS PANDUAN PERMOHONAN<br/>PERMIT Pengecualian<br/>KAWALAN PERGERAKAN</b> | No. Keluaran : 01<br>No. Pindaan : 00<br>Tarikh : 17 Mac 2020 |
|---|--|---|

P.U. (A) 87

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERINTAH PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT  
(PENGISYTIHARAN KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020.


**Pengisytiharan kawasan tempatan jangkitan**

2. Menteri, setelah berpuas hati bahawa semua Negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia diancam oleh wabak penyakit berjangkit, iaitu Covid-19, suatu jangkitan mikrobial yang mengancam nyawa sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama kepada Akta, mengisytiharkan Negeri dan Wilayah Persekutuan yang dinyatakan dalam Jadual sebagai kawasan tempatan jangkitan.

JADUAL

Johor  
Kedah  
Kelantan  
Melaka  
Negeri Sembilan  
Pahang  
Pulau Pinang  
Perak  
Perlis




|   |   |  |
|---|---|--|
|  | <p style="text-align: center;"><b>GARIS PANDUAN PERMOHONAN<br/>PERMIT PENGECUALIAN<br/>KAWALAN PERGERAKAN</b></p> | <p>No. Keluaran : 01<br/>No. Pindaan : 00<br/>Tarikh : 17 Mac 2020</p> |
|---|---|--|

P.U. (A) 87

Sabah  
Sarawak  
Selangor  
Terengganu  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Wilayah Persekutuan Labuan

Dibuat 16 Mac 2020  
[KKM.600-29/4/146 ]ld.2 (30); PN(PU2)470/III]

**DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA**  
*Menteri Kesihatan*

|   |  |   |
|---|--|---|
|  | <b>GARIS PANDUAN PERMOHONAN<br/>PERMIT PENGECUALIAN<br/>KAWALAN PERGERAKAN</b> | No. Keluaran : 01<br>No. Pindaan : 00<br>Tarikh : 17 Mac 2020 |
|---|--|---|

**LAMPIRAN B**

**PERMIT PENGECUALIAN KAWALAN PERGERAKAN**

Nama : .....

Kad Pengenalan : .....

Alamat : .....

No. Telefon : .....

Jenis Kenderaan / No. Pendaftaran: .....

Jumlah Orang : ..... *(Sila lampirkan butir-butir individu)*

Alamat Destinasi : .....

Perakuan Kesihatan Oleh Pemohon : Demam / Tidak Demam

Sebab-sebab permohonan pengecualian untuk pergerakan:-

\*\* Kematian ahli keluarga, sakit tenat, menerima rawatan perubatan diri sendiri atau keluarga atau lain-lain perkara atas budibicara Ketua Polis Balai

Tandatangan Pemohon : .....

Tarikh : .....

---

**Kegunaan Ketua Polis Balai**

---

Keputusan Permohonan : Diluluskan / Tidak Diluluskan

Ulasan : .....

Tandatangan : .....

Nama (Huruf Besar) : .....

Pangkat & Jawatan : .....

Tarikh : .....